

[RECTIFYING THE CURVE OF ISLAMOPHOBIA THROUGH THE VALUES OF TASAMUH IN ISLAMIC CRIMINAL LAW]**MELANDAI LENGKUK ISLAMOFOBIA MENERUSI NILAI-NILAI TASAMUH DALAM UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM**

ZUL-KIFLI HUSSIN¹
SHAZALMI SAAD²

¹Fakulti Pengajian Islam, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) Bukit Chandan,
33000 Bandar DiRaja Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan

²Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Perempuan Kelsom, (RPK) Bukit Chandan,
33000 Bandar DiRaja Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan

Email: zul-kifli@usas.edu.my

Received: 1 Oktober 2021

Accepted: 15 Oktober 2021

Published: 1 December 2021

Abstract

Islam is called by Allah SWT as the true religion by His side and as a way of life. It means that Islam is the best religion in which it covers the question of worship up to the question of crime. Islamophobia, a syndrome that is hostile to religion and believers for no reason needs to be overcome through the disclosure of the value of tasamuh, especially in Islamic criminal law. Unfortunately, the intensity of the existing Islamophobia syndrome is intensifying and also reinforced by the way of religious delivery is non-holistic as well as the failure to relate it to the values of tolerance. In order to overcome, this article intends to identify the values of tolerance contained in Islamic criminal law. This exploratory qualitative study make full use of secondary data from classical and contemporary literature and the data is subsequently analyzed by content analysis. Finally, this article concludes that criminal law is full of the values of tolerance. Among them is that the witness must not be a witness on the testimony of another; witnesses need to be filtered with a mechanism called tazkiyah al-syuhud; wajib istitar (hide ignominy) and istitab (ask for the offender to repent); and throughout the history of Islamic civilization, no one has ever been punished with testimony because of the existence of quality demand and a very high quantity of testimony. All of this can open a new contemplation towards the image of Islamic criminal law in particular.

Keywords: Istithab, Istitar, Humanity, Kindness, Tasamuh, Tazkiyyah al-syuhud

Abstrak

Islam disebut oleh Allah SWT sebagai agama yang benar di sisi-Nya dan sebagai suatu cara hidup. Ia membawa maksud bahawa agama Islam adalah agama terbaik yang di dalamnya terkandung ajaran-ajaran yang merangkumi persoalan ibadah sehinggalah kepada persoalan jenayah. Malangnya, bahang sindrom Islamofobia sedia ada semakin marak dan

turut dikukuhkan lagi dengan kaedah penyampaian yang tidak holistik serta kegagalan menghubungkaitkan dengan nilai-nilai tasamuh. Untuk tujuan itu, artikel ini berhasrat mengenal pasti nilai-nilai tasamuh yang terkandung di dalam undang-undang jenayah Islam. Kajian berekabentuk kualitatif exploratori ini menggunakan sepenuhnya data sekunder berupa literatur klasik dan kontemporari dan data seterusnya dianalisis secara analisis kandungan. Akhir sekali, artikel ini merumuskan bahawa undang-undang jenayah penuh dengan nilai-nilai tasamuh. Antaranya ialah saksi mestilah bukan saksi di atas persaksian orang lain; para saksi perlu disaring dengan satu mekanisme yang dinamakan *tazkiyah al-syuhud*; wajib *istitar* (menyembunyikan aib) dan *istitab* (minta pesalah bertaubat); dan sepanjang sejarah peradaban Islam, belum pernah seseorang pun dihukum dengan persaksian kerana wujudnya tuntutan kualiti dan kuantiti kesaksian yang sangat tinggi. Semua ini dapat membuka tasawur baharu terhadap imej undang-undang jenayah Islam khususnya.

Kata kunci: Istitab; Istitar; keinsanan; keihsanan; tasamuh; takiyyah al-syuhud

PENGENALAN

Antara falsafah perundangan Islam adalah untuk mendidik manusia dan menjamin keadilan serta kesejahteraan masyarakat. Atas dasar itu, Islam telah meletakkan satu sistem perundangan yang mengenakan hukuman yang sewajarnya kepada manusia yang telah melakukan jenayah. Walau bagaimanapun, dari aspek pelaksanaannya, terdapat nilai-nilai *tasamuh* terutamanya dalam proses pembuktian dan perlaksanaan hukumannya agar manusia mempunyai ruang untuk insaf, berubah dan seterusnya bertaubat daripada kesalahannya. Artikel ini akan membincangkan secara ringkas nilai-nilai *tasamuh* Islam dalam sistem jenayah Islam. Oleh kerana peristilahan *tasamuh* dalam undang-undang jenayah Islam merupakan sesuatu yang baharu dan jarang diketengahkan secara spesifik sebelum ini, maka pada peringkat awal artikel ini akan membincangkan definisi operasional konsep tersebut terlebih dahulu.

KONSEP TASAMUH DALAM PERUNDANGAN HUDUD

Tasamuh berasal daripada bahasa ‘Arab. Penggunaan perkataan tersebut ditemui dalam beberapa hadis Nabi s.a.w. antaranya ialah, Maksudnya: “ Agama yang paling disukai oleh Allah ialah agama yang *hanif* lagi mudah” (Ibn Hajar: t.t.). Kalimat didefinisikan sebagai : ”هي الملة التي ما فيها ضيق ولا شدة“ ”الحنفية السمححة“ iaitu suatu agama yang tidak ada padanya kesempitan dan kesusahan (Muhammad Muhibbudin: 1994).

Manakala definisi operasional *tasamuh* yang dimaksudkan dalam tulisan ini boleh dibahagikan kepada dua aspek. Pertama, dilihat dari aspek yang umum dan yang kedua pula dilihat dari aspek yang khusus. Dari aspek yang umum, definisi *tasamuh* diambil berdasarkan ayat-ayat al-Quran tertentu. Antaranya ialah firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 185: Maksudnya: "Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu", al-Baqarah 286: Maksudnya: "Wahai Rabb kami, janganlah Engkau bebankan kepada kami beban yang berat sebagaimana Engkau bebankan kepada orang-orang sebelum kami.

Wahai *Rabb* kami, janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang tak sanggup kami memikulnya..", al-Ma`idah ayat 6: Maksudnya: "Allah tidak hendak menyulitkan kamu", dan al-Hajj ayat 78: Maksudnya: "sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan."

Unsur-unsur kemudahan, tidak membebani sesuatu yang tidak mampu dipikul, menghilangkan kesulitan dan agama yang tidak sempit tidak hanya kepada ajaran Islam secara umumnya, malahan ciri-ciri ini terpakai secara khusus dalam undang-undang jenayah Islam. Justeru, Ibn 'Asyur mengatakan bahawa ayat-ayat di atas menggambarkan sifat *tasamuh* syariat Islam (Ibn 'Asyur 2007).

Manakala untuk membentuk definisi operasional *tasamuh* dari aspek yang khusus, maka ia diambil daripada petunjuk-petunjuk yang diperoleh secara langsung daripada nas sama ada secara *mantuq* atau *mafhum* ataupun berdasarkan kes-kes yang pernah diputuskan oleh Rasulullah SAW, praktik para Sahabat dan juga berasaskan ijtihad fuqaha'.

Sehubungan dengan itu, faktor-faktor yang berkaitan dengan situasi dan pelaku jenayah, pembuktian, pengakuan, lokasi kejadian, faktor cuaca, kaedah hukuman, keinsafan dan proses pensabitan, maka masing-masing mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Kesemuanya tertakluk kepada prinsip yang fundamental, iaitu *الحدود تسقط بال شبّهات* (hudud tertolak kerana ada syubhah atau keraguan). Prinsip ini terpakai dalam semua kes hudud. Berdasarkan prinsip tersebut, maka hakim hendaklah memastikan bahawa tertuduh benar-benar bebas daripada sebarang unsur-unsur syubhah. Dengan perkataan lain, hakim hanya boleh menjatuhkan hukuman hudud setelah dipastikan tertuduh benar-benar telah bebas daripada segala bentuk syubhah walau sekecil manapun syubhah tersebut.

Nilai-Nilai Tasamuh Dalam Jenayah Sistem Jenayah Islam (Zina, Mencuri, Qazaf, Minum Khamar, Hirabah Dan Bugahah)

Aplikasi kepada prinsip tersebut boleh dilihat dalam kes jenayah zina, iaitu tidak dikenakan *hadd* terhadap seorang suami yang telah melakukan hubungan seksual dengan wanita lain yang dia yakini sebagai isterinya. Termasuk dalam kategori syubhah ialah seseorang yang telah membuat pengakuan, kemudian, menarik balik pengakuan zina tersebut.

Ringkasnya, syubhah adalah pertimbangan terpenting dalam undang-undang jenayah Islam sehingga hadis riwayat 'A`isyah r.anh. memperingatkan bahawa lebih baik tersalah dalam memberi kemaafan daripada tersalah menghukum orang yang tidak bersalah (At-Tarmizi: 1344). Aplikasi prinsip ini jelas memperlihatkan elemen *tasamuh* dalam perundangan hudud agar seseorang yang dituduh dapat dilepaskan daripada hukuman hudud yang sangat keras.

Unsur *tasamuh* dalam penghakiman dan pembebasan seseorang tertuduh juga dapat dilihat dalam kaedah keterangan. Dalam kes meminum minuman keras, adalah tidak memadai untuk mensabitkan kesalahan meminum minuman keras jika hanya bersandarkan kepada faktor lahiriah semata-mata. Justeru, bau khamar pada mulut seseorang tidak boleh menjadi bukti bahawa seseorang itu telah meminum khamar. Ia perlu dibuktikan. Menuduh seseorang telah meminum arak perlu dibuktikan sama ada melalui keterangan dua orang saksi atau iqrar tertuduh. Prinsip asas dalam undang-undang jenayah Islam ialah seseorang bebas daripada

tanggungan atau dikenali sebagai **الأصل براءة الذمة** (pada asalnya seseorang bebas daripada tanggungan) (al-Sayuti t.t.). Demikian juga Islam membolehkan seseorang melakukan yang haram sekadar yang perlu jika tiada cara lain untuk menyelamatkan nyawanya melainkan dengan melakukan perkara yang haram tersebut. Dalam konteks undang-undang jenayah Islam, seseorang tidak akan dihadd jika dia meminum khamar dengan tujuan untuk menyelamatkannya daripada tercekik makanan. Begitu juga seseorang tidak akan dihadd dengan mengucapkan kekufturan demi menjaga nyawanya. Dengan adanya prinsip **الضرورات تبيح المظورات**, maka hukum Islam yang bersifat mandatori dari segi tekstualnya bertukar menjadi fleksibel dalam pelaksanaannya.

Ciri-ciri *tasamuh* lain dalam undang-undang jenayah Islam ialah unsur-unsur keinsanan. Antara unsur-unsur keinsanan yang dimaksudkan ialah pemberian maaf dalam kes-kes tertentu. Dengan kerelaan mangsa, maka penjenayah dimaafkan dan tidak dikenakan *hadd*. Hal ini diterima dalam kes pencurian dan *qazaf*. Oleh kerana itu, walaupun seseorang telah melakukan pencurian, maka pencuri tidak akan dihukum sekiranya pemilik harta memaafkannya di luar sidang penghakiman.

Demikian juga *hadd qazaf* (tuduh zina) akan diketepikan sekiranya mangsa memberi kemaafan. Kedua-dua kes di atas membuktikan hukum Islam tidak bersifat mandatori. Selain kemaafan, pesalah juga dibenarkan bertaubat dan taubat tersebut mampu membebaskannya daripada *hadd* terutamanya bagi jenayah rompakan (*hirabah*) dan pemberontakan (*al-baghy*). Manakala bagi kesalahan mencuri dan tuduhan zina kedua-duanya bergantung kepada kemaafan mangsa terlebih dahulu.

Termasuk di dalam keinsanan juga ialah dengan melihat latar belakang pesalah dan faktor yang mendorongnya melakukan kesalahan. Jika tujuan undang-undang Islam adalah semata-mata untuk menghukum, maka sudah pasti faktor keinsanan ini tidak diambil kira. Sebaliknya, faktor keinsanan berikut menjadi suatu kemestian, iaitu kesihatan, tidak dalam keadaan hamil dan bebas daripada faktor keterpaksaan atau dipaksa. Justeru, seseorang yang didapati mencuri kerana tersangat lapar atau orang yang tercekik makanan lalu dia meminum khamar tidak boleh dihukum kerana pada kedua-duanya terdapat elemen keterpaksaan. Faktor keinsanan yang agak ketara ialah wanita yang sedang hamil tidak boleh dihukum sehingga dia selamat melahirkan anak dan selesai menyusukan anaknya sehingga tamat tempoh susuan.

Faktor keinsanan seterusnya ialah Islam amat menjaga maruah seseorang. Oleh kerana itu, Islam mengawalnya dengan undang-undang sehingga seseorang yang membuat tuduhan zina tanpa saksi, boleh dikenakan hukuman hudud. Hal ini kerana tuduhan bukan sahaja boleh menjatuhkan imej dan namanya bahkan juga nama baik ahli keluarganya dan keturunannya. Malahan, tertuduh sukar untuk membela diri apatah lagi sebahagian masyarakat mungkin telah mempercayai tuduhan tersebut. Untuk membendungnya, selain bilangan saksi yang mencukupi, akhlak dan sakhsiah saksi juga akan dinilai. Meskipun syarat-syarat ini terpenuhi sekalipun, ia masih tidak memadai kerana para saksi mestilah melihat kejadiannya dengan matanya sendiri secara jelas dan nyata, sesuatu yang mustahil dapat dipenuhi pada zaman kini.

Lantaran itu, kesaksian yang dibuat berdasarkan andaian dan sangkaan tidak akan diterima. Kesaksian juga akan tertolak sekiranya ia dibuat hanya dengan bersandarkan kepada kesaksian orang lain atau disebut sebagai saksi *tasamu'* (*hear say*). Kegagalan penuduh mendatangkan saksi menyebabkan penuduh dikenakan *hadd qazaf*. Malahan, ketetapan syara'

agar saksi-saksi melihat sendiri kejadian tersebut tidak boleh diganti dengan sebarang instrumen-instrumen lain walaupun perkembangan sains dan teknologi mampu mengetahuinya secara tepat mengatasi kemampuan empat orang saksi.

Hakikatnya, syarat yang sangat mustahil untuk dipenuhi ini tentunya mempunyai tujuan yang sangat mulia. Antara lain, undang-undang Islam tidak bertujuan untuk mencari-cari kesalahan dan mendedahkan keaiban seseorang. Kesalahan yang dilakukan secara nyata oleh seseorang perlu ditutup, apatah lagi kesalahan yang disembunyikannya. Maka tindakan mendedahkannya adalah haram dan mengundang kemurkaan Allah SWT.

Selain daripada faktor keinsanan, faktor-faktor keihsanan juga dikenalpasti sebagai faktor utama dalam undang-undang jenayah Islam. Matlamat utama hukuman adalah bertujuan mendidik dan memberi pengajaran bukannya membala dendam atau tempat melepaskan kemarahan. Hal ini diterjemahkan dalam beberapa kes misalnya dalam pelaksanaan hukuman sebat dan memerangi golongan *bughah*. Oleh itu, dalam pelaksanaan sebatan, faktor keihsanan sangat ditekankan agar tidak memberi kecederaan dan mendatangkan kesakitan yang melampau. Begitu juga ketika memerangi golongan *bughah* adalah dilarang membunuh pemberontak yang telah cedera atau mengejar pemberontak yang mlarikan diri. Sekiranya pemberontak dikejar dan dibunuhi, maka diyatnya hendaklah diserahkan kepada warisnya.

Faktor-faktor yang boleh melepaskan seseorang tertuduh atau pesalah dalam sesuatu kesalahan hudud dari dikenakan hukuman hudud ke atasnya seperti yang dibincangkan di atas menggambarkan betapa unsur *tasamuh* dan kemaafan merupakan satu elemen penting dalam perundangan hudud Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berekabentuk kajian kualitatif eksploratori. Dari segi objektifnya pula, ia bertujuan mengenal pasti nilai-nilai tasamuh dalam undang-undang jenayah Islam. Keseluruhan data melibatkan data sekunder, iaitu data yang diperolehi melalui analisis dokumen yang melibatkan karya-karya klasik dan kontemporari. Manakala data dianalisis menggunakan analisis kandungan dengan menganalisis setiap maklumat di dalam kandungan serta meringkaskannya dengan mengambilkira pelbagai aspek dalam kandungan serta mencari makna di sebalik setiap kandungan tersebut agar menepati dengan objektif kajian.

JENAYAH MURTAD

Artikel ini seterusnya akan memberi tumpuan secara ringkas kepada jenayah murtad dan nilai-nilai *tasamuhnya*. Hal ini kerana dalam isu murtad sering berlaku salah faham yang sangat ketara dalam kalangan orang Islam dan juga bukan Islam. Murtad merujuk kepada seseorang yang telah menukar atau keluar daripada agama Islam kepada agama lain. Murtad adalah persoalan `aqidah, Murtad terjadi meliputi setiap gerak geri, luaran dan dalaman atau tindakan jasmaniah dan batiniyah. Pendek kata, seseorang boleh menjadi murtad melalui iktikad, perbuatan dan ucapan. Persoalan *riddah* seringkali dikaitkan dengan isu kebebasan beragama. Pembela-pembela perundangan *riddah* menganggap sebagai hak Islam dan umat Islam. Sementara bagi penentangnya pula menuduh Islam menyekat kebebasan beragama. Mereka

juga menuduh bahawa hukuman bunuh terhadap orang yang murtad tidak setimpal, bahkan dinilai sebagai kejam. Hanya kerana menukar agama yang diingininya, seseorang terpaksa berhadapan dengan hukuman bunuh. Selain itu, mereka juga berpendapat hukuman ini wajar dihapuskan. Berdasarkan kepada alasan tersebut, ia memberi gambaran bahawa Islam tidak menghormati hak kebebasan seseorang untuk memilih agama yang diyakininya. Demikianlah persepsi para penentang isu *riddah*. Ringkasnya, Islam digambarkan sebagai agama buruk lantaran tidak *bertasamuh*.

Dalam bahagian ini, perbincangan hanya menyentuh persoalan *istitab* (diminta bertaubat) bagi orang yang murtad dan tempoh *istitab*. Justeru, dalam mencari nilai-nilai *tasamuh* dalam topik-topik yang telah disenaraikan, pandangan daripada kelompok yang berbeza-beza dan juga pandangan individu tertentu yang berkelayakan akan diambilkira.

Analisis Nilai-Nilai *Tasamuh* Dalam Hukuman Murtad

Pensabitan kes *riddah* boleh dilakukan melalui dua cara, iaitu melalui penyaksian dan juga pengakuan. Pensabitan melalui penyaksian mempunyai empat syarat utama: Pertama, hendaklah dipastikan terlebih dahulu bahawa *riddah* benar-benar telah berlaku. Contohnya seseorang dengan sengaja mengatakan bahawa minum arak hukumnya halal. Kedua, kejadian tersebut disaksikan oleh dua orang lelaki yang adil. Dalam hal ini al-Hasan mengatakan bahawa saksi mestilah terdiri daripada empat orang kerana kesaksian ini melibatkan dia dibunuh. Beliau mengqiyaskannya kepada hukuman zina ('Abdul Karim Zaydan 1993; Akram Rida Marsy 2006). Ketiga, saksi hendaklah dalam kalangan orang yang memahami ajaran Islam. Keempat, saksi hendaklah dalam kalangan ahli ilmu (orang yang berpengetahuan) Jika saksi bukan dalam kalangan ahli ilmu, maka hal tersebut diserahkan kepada ulama' yang mempunyai kepakaran khusus lantaran mereka lebih memahami sama ada seseorang itu terkeluar daripada agama atau tidak. Hal ini bertujuan agar tuduhan telah berlakunya *riddah* tidak dibuat hanya kerana berdasarkan tohmahan semata-mata. Sebaliknya, ia hendaklah diselidiki akan kebenaran dakwaan tersebut sehingga jelas kedudukannya ('Abdul Azim Ibrahim al-Muti'i 1993).

Kes *riddah* hendaklah dijalankan di hadapan hakim atau pembantunya. Ketika memberikan kesaksian, saksi-saksi hendaklah menceritakan secara terperinci apa yang berlaku. Hakim hendaklah menyoal saksi-saksi terbabit kebenaran dakwaan mereka. Oleh itu, al-Syawkany dalam Akram Rida Marsiy (2006) memberi ingatan kepada hakim bahawa sebelum menjatuhkan hukuman ke atas seseorang, bukti-buktinya hendaklah terang dan jelas melebihi terangnya cahaya matahari pada waktu siang.

Sekiranya, kes telah disabitkan, maka hakim hendaklah meminta orang yang murtad untuk bertaubat (*istitab*). Menurut Ibn Rajab al-Hanbaliy, para fuqaha' telah bersepakat hukuman hanya boleh dilaksanakan selepas melalui proses *istitab* (Ibn Rajab al-Hanbali 2004).

Apabila orang yang murtad sedang hamil dan dia berkeras tidak mahu bertaubat, maka hukuman hendaklah ditangguhkan sampai dia melahirkan anaknya. Setelah anak tersebut dilahirkan, jika telah ada tempat penyusuan dan bayi tersebut mahu menyusukan di tempat tersebut, maka hukuman hendaklah dilaksanakan. Sekiranya tidak ada tempat penyusuan atau bayi tersebut tidak mahu menyusukan di tempat tersebut, maka wajib ditangguhkan hukuman

bunuh sehingga sempurna tempoh penyusuan. Tujuannya adalah supaya anaknya yang bersih tidak terpalit dengan dosa yang dilakukan ibunya ('Abdul Karim Zaydan 1993).

Sekiranya, orang yang murtad ingin bertaubat, maka memadai baginya mengucap dua kalimah syahadah ('Abdullah Ahmad Qadiry 1985). Dalam kes yang lain, sekiranya seorang yang murtad dihadapkan ke sidang pengadilan, lalu dia melafazkan dua kalimah syahadah, maka syahadahnya itu hendaklah diterima dan keislamannya tidak boleh dipertikaikan. Hal ini bersandarkan kepada hadis Rasulullah SAW:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمِرْتُ أَنْ أُقْاتِلَ النَّاسَ حَتَّىٰ يَقُولُوا لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ فَمَنْ
قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ فَقَدْ عَصَمَ مِنِّي نَفْسَهُ وَمَا لَهُ إِلَّا حِكْمَةٌ وَحِسَابٌ عَلَى اللَّهِ

Maksudnya: "Aku diperintah untuk memerangi manusia sampai mereka mengucapkan: لا إله إلّا الله. Barang siapa telah mengucapkannya, maka mereka telah memelihara darah dan harta mereka dariku kecuali dengan alasan yang hak sedangkan perhitungannya terserah pada Allah." (H.R. Al-Bukhari: 2727)

Beliau seterusnya menambah, ucapan dua kalimah syahadah menyebabkan orang yang kafir daripada asal menjadi Islam, maka demikian juga bagi orang Islam yang murtad ('Abdul Karim Zaydan 1993).

Abdul Karim Zaydan telah menyenaraikan tiga pendapat tentang hukum *istitab* ('Abdul Karim Zaydan:1993; Akram Rida Marsy:2006). Pendapat pertama, iaitu berdasarkan pandangan 'Umar, 'Ali , Ata', al-Nakha'i, Malik, al-Thawry, al-'Awza'i, Ishaq, al-Syafi'i dan Mazhab Hanbali berpendapat wajib *istitab*. Golongan kedua, iaitu fuqaha' Hanafi dan satu pandangan daripada fuqaha' Syafi'i menyatakan bahawa *istitab* tidak wajib tetapi *mustahab* sahaja, itupun dalam tempoh tiga hari. Manakala golongan ketiga terdiri daripada mazhab Dhahiriyy menyatakan bahawa *istitab* tidak wajib dan bukan juga *mustahab*, akan tetapi yang diwajibkan hanyalah menjalankan hukuman ke atasnya. Bahkan Ibn Hazm mengatakan bahawa melambat-lambatkan dengan menyibukkan diri memintanya bertaubat dan mendoakannya adalah tidak dibolehkan (لا يجوز).

Dalam hal ini, persoalan sama ada perlunya *istitab* atau tidak bergantung kepada keadaan atau sikap orang yang murtad tersebut. Hal ini tentunya dapat dikenal pasti sepanjang proses perbicaraan. Ada kemungkinan kemurtadannya adalah kerana wujudnya unsur-unsur luaran seperti paksaan dan sebagainya. Justeru, *istitab* dilihat perlu kerana di situ dapat dikenal pasti terdapat unsur-unsur *syubhah* atau tidak. Selain itu, *istitab* dianggap penting kerana ia akan mendedahkan sebab-sebab seseorang itu menjadi murtad ('Abdul Rahim Sidqiy 1986). Oleh sebab itu, prinsip "tersalah membebaskan orang yang bersalah lebih baik daripada menghukum orang yang tidak bersalah" perlu dijadikan sebagai pegangan utama.

Pendapat Jumhur yang mewajibkan *istitab* dilihat menepati prinsip asas dalam hudud, iaitu hudud tertolak kerana *syubhah*. Selain dalil daripada hadis Nabi SAW mereka juga menyatakan bahawa *istitab* perlu kerana ia akan memberi peluang untuk memastikan tiada *syubhah* ('Abdul Karim Zaydan:1993). Malahan menurut beliau lagi, pendapat yang

mewajibkan *istitab* adalah pandangan yang *rajih*. Beliau memberi alasan bahawa melindungi darah lebih utama daripada tergesa-gesa menumpahkannya. Tambahnya lagi, seseorang yang membuat keputusan untuk murtad adalah kerana ada keraguan dalam dirinya. Dalam hal ini, Islam menerapkan sikap berhati-hati. Sebagai agama yang membawa rahmat, maka hukuman wajib ditangguhkan. Kemungkinan dengan cara tersebut akan membawa mereka kembali semula kepada Islam.

Hakikatnya, tempoh yang diberikan oleh Islam ini adalah proses pemurnian pemikiran. Kemungkinan kerana keraguan tentang beberapa peraturan dalam ajaran Islam mendorong mereka untuk keluar daripada Islam. Dalam hal ini, proses pengukuhan 'aqidah perlu diutamakan berbanding penekanan kepada aspek hukuman. Terdapat juga dalam kalangan mereka yang mempertikaikan Islam kerana kejahilan mereka. Justeru, menghukum mereka di atas kejahilan adalah tidak tepat kerana kejahilan itu sendiri adalah *syubhah*.

Allah SWT memberi pengajaran kepada umat Islam tentang proses pengukuhan 'aqidah melalui kisah Nabi Ibrahim AS. Dalam kisah tersebut, Nabi Ibrahim AS meminta Allah memperlihatkan kepadanya bagaimana proses menghidupkan orang yang telah mati. Pertanyaan Nabi Ibrahim bukan bertujuan mempertikaikan kekuasaan Allah, telah bertujuan memantapkan keyakinannya "... Ibrahim menjawab: "Aku telah yakin, akan tetapi agar hatiku tetap mantap (dengan imanku)..." (Q.S. Al-Baqarah: 260).

Dialog di atas memberi panduan bahawa penerangan yang disertai dengan pembuktian akan memantapkan kefahaman seseorang. Bagi persoalan aqidah, pembuktian boleh dilakukan dengan pelbagai cara. Tentunya selama tempoh *istitab*, penerangan akan dikendalikan oleh individu yang mempunyai kepakaran dan berkelayakan dalam bidang masing-masing. Jika perbezaan pandangan fuqaha' dalam masalah tempoh *istitab* dianggap sebagai rahmat, maka tempoh tiga hari bukanlah tempoh yang muktamad.

Sekiranya ada keperluan untuk proses pemurnian itu dijalankan, maka tempoh sebulan wajar diambil kira. Malahan, Rasulullah SAW sendiri tidak menetapkan tempoh tertentu. Demikianlah nilai-nilai *tasamuh* yang sangat baik jika dapat ditonjolkan. Ruang kosong ini sengaja ditinggalkan oleh Rasulullah SAW membolehkan umatnya berijtihad. Dengan terbukanya peluang ijihad ini, maka persoalan tempoh *istitab* dilihat amat fleksibel dan tidak kaku. Ruang ini telah dimanfaatkan oleh para Sahabat dan tabi' tabi'in. Oleh sebab itu, ada yang menetapkan dua bulan sebagaimana yang dilakukan oleh Abu Musa dan ada riwayat yang menyebut 20 hari (Akram Rida Marsy 2006). Ada juga yang memberi tempoh tiga hari, tiga kali dan ada yang menetapkan *istitab* ketika itu juga. Bahkan ada pendapat yang dianggap syaz yang menetapkan *istitab* selama-lamanya ('Abdullah Ahmad Qadiry 1985).

Justeru, tempoh yang dianggap paling ideal dan selari dengan nilai-nilai *tasamuh* terletak pada ijihad hakim dengan melihat kesesuaian kes tersebut. Meskipun wujud perbezaan pandangan dalam hal ini, yang pastinya semua bersepakat bahawa *istitab* adalah perlu sebelum menjatuhkan hukuman.

Jelas, nilai-nilai *tasamuh* dalam perbezaan pandangan di antara fuqaha' wajar menjadi pertimbangan oleh semua pihak yang berkepentingan, lebih-lebih lagi ketika menebalnya sindrom Islamofobia dalam situasi dunia masa kini. Dalam konteks *tasamuh* dan situasi semasa, pandangan yang dilontarkan oleh mantan mufti Pulau Pinang (Datuk Seri Hasan Ahmad) dalam satu sesi temu bual bersama beliau ada disebutkan bahawa terdapat satu pandangan dalam

mazhab al-Thauriy yang berbeza daripada pandangan-pandangan lain, iaitu orang yang murtad boleh dihukum penjara sampai dia meninggal dunia atau sehingga dia bertaubat. Justeru, pandangan-pandangan yang bernilai *tasamuh* begini wajar diberi perhatian kerana ia sedikit sebanyak mampu melandaikan penularan sindrom Islamofobia khususnya terhadap undang-undang jenayah Islam khususnya dan ajaran Islam amnya.

DAPATAN NILAI-NILAI TASAMUH

Berdasarkan perbincangan di atas, memperlihatkan bahawa, nilai-nilai *tasamuh* telah terkandung di dalam undang-undang jenayah Islam. Namun, ia tidak kelihatan kerana sebahagian pendekatan tidak menerapkan penerangan kepada nilai-nilai *tasamuh* sebaliknya ia lebih tertumpu kepada aspek hukuman semata-mata. Membicarakan aspek hukuman semata-mata tanpa disertai dengan penjelasan dari aspek keterangan dan pembuktian yang hakikatnya menjadi sebahagian daripada maklumat yang perlu disampaikan sedikit sebanyak akan melebarkan lagi simptom Islamofobia. Dengan perkataan lain, mendahulukan aspek kandungan (*content*) dan mengabaikan aspek prosedur (*procedure*) akan membawa kepada pemahaman yang *rigid*, sempit dan tidak elastis. Kedua-dua elemen ini perlu berjalan serentak ketika memberikan penerangan dan penjelasan kepada masyarakat. Justeru, dengan cara ini, penularan sindrom Islamofobia dapat dilandaikan. Secara ringkasnya, nilai-nilai *tasamuh* yang perlu diketengahkan antara lain adalah seperti berikut;

- i. Sistem perundangan Islam amat mementingkan nilai-nilai keinsanan.
- ii. Sistem perundangan Islam amat mengambil berat tentang faktor-faktor keihsanan.
- iii. Sistem perundangan Islam amat menekankan faktor persekitaran yang melibatkan cuaca dan suasana sebelum melaksanakan hukuman.
- iv. Sistem perundangan Islam sentiasa memberi ruang kepada tertuduh untuk memperbaiki kekhilafan mereka.
- v. *Tazkiyyah al-syuhud* adalah merupakan sistem yang menjamin kebolehpercayaan para saksi di mahkamah.
- vi. Prinsip *sitr al-'uyub* sangat dituntut jika tiada saksi yang mencukupi atau saksi tidak memenuhi kriteria yang dikehendaki Islam demi menjaga maruah tertuduh dan tersebarinya berita-berita *fahisyah* di dalam masyarakat .
- vii. Tahap pembuktian dalam sistem perundangan jenayah Islam mestilah mencapai tahap keyakinan dan terhindar daripada segala syubhah selari dengan hadis riwayat Aisyah r.anha.
- viii. Syubhah di dalam sistem perundangan Islam mengangkat hukuman asal kepada hukuman alternatif.
- ix. Sistem jenayah Islam bersifat mandatori dari segi hukuman, namun bersifat *tasamuh* dalam pelaksanaannya.
- x. *Istitab* akan membuka ruang kepada tertuduh untuk insaf dan bertaubat

KESIMPULAN

Sebagai rumusan, berdasarkan perbincangan tersebut, jelaslah bahawa nilai-nilai *tasamuh* dalam undang-undang jenayah Islam sekiranya diperjelaskan dengan baik dan sistematik mampu menangkis sindrom Islamofobia dalam kalangan masyarakat. Masyarakat perlu dididik secara berterusan tentang nilai-nilai tasamuh yang terkandung di dalam perundangan Islam. Perbincangan yang semata-mata mengutamakan aspek hukuman tanpa diiringi dengan kaedah pembuktian dan pensabitan tidak akan membantu masyarakat muslim dan non muslim untuk memahami kebaikan Islam khususnya di dalam undang-undang jenayah Islam.

RUJUKAN

- 'Abdul Azim Ibrahim al-Muti'i, (1993). *'Uqubat al-Irtidad Bayn al-Adillat al-Syar'iyyat wa Syubhat al-Munkirin*, Kaherah: Maktabat Wahbah, cet. Pertama.
- 'Abdul Karim Zaydan, (1993). *Al-Mufassal fi Ahkam al-Mar'at wa al-Bayt al-Muslim fi al-Syari'at al-Islamiyyat*, Juz. IV, Beirut: Mu`assat al-Risalat, cet. Pertama.
- 'Abdul Rahim Sidqi, (1986). *al-Jarimat wa al-'Uqubat fi al-Syari'at al-Islamiyyat, Dirasat Tahliliyat li 'Ahkam al-Qisas wa al-Hudud wa al-Ta'zir*, Kaherah: Maktabah al-Nahdat al-Misriyah, cet. Pertama.
- 'Abdullah Ahmad Qadiry, (1985). *Al-Riddat 'an al-Islam wa Khataruha 'ala al-'alam al-Islamiy*, Madinah: Maktabah Tayyibah.
- Akram Rida Marsy, (2006). *Al-Riddat wa al-Hurriyyat al-Diniyyat*, al-Mansurat: Dar al-Wafa', cet. Pertama.
- Al-Qaradawi, (1997). *Ghayr al-Muslim fi al-Mujtama' al-Islamiy*, (terj: Arsil Ibrahim kuala Lumpur: ABIM, cet. Pertama.
- Al-Sadiq al-Mahdy, 1987. *Al-'Uqubat al-Syar'iyyat wa Mawqi'uhu min al-Nizam al-Ijtima'iyy al-Islamiyy*, Kaherah: al-Zahra` li al-Ilam al-'Arabi, cet. Pertama.
- Al-Sayuti, (t.t.). *Al-Asybah wa al-Naza'ir*, Mekah: Maktabah Nazzar Mustafa al-Baz
- Amir 'Abd al-'Aziz, (2007). *Al-Fiqh al-Jina'iy fi al-Islam*, Kaherah: Dar al-Salam, cet. Ketiga.
- Bakr ibn Abdullah Abu Zaid, (t.t.). *Al-Hudud wa al-Ta'zirat 'inda Ibn Qayyim*, Dar al-'Asimat Farahwahida Mohd Yusof et. al., Kaedah Penyelesaian Dalam Menangani Pertukaran Agama Dalam Kalangan Masyarakat Melayu-Islam Di Johor, Selangor Dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Hani Tahir, (2004). *Al-Hurriyyat al-Diniyyat wa 'Uqubat al-Murtad fi al-Islam*, Palestin: Al-Jami'at al-Islamiyyat al-Ahmadiyyat fi al-Diyar al-Muqaddasat, cet. I.
- Ibn 'Asyur, (2007). *Maqasid al-Syar'iyyat al-Islamiyyat*, Kaherah: Dar al-Salam, cet. Kedua.
- Ibn Rajab al-Hanbaliy, (2004). *Jami' al-'Ulum wa al-Hikam fi Syarh Khamsin Hadithan min Jawami' al-Kalam*, Kaherah: Dar al-Salam, Jil. I, cet. VIII.
- Ibnu Hajar al-'Asqalani, (t.t.). *Fath al-Bariy*, Beirut: Dar alFikr, jil. I.
- Muhammad Muhibbudin, (1994). *Taj 'Urus min Jawahir al-Qamus*, Beirut: Dar al-Fikr, Jil. IV.
- Sa'id Ramadan al-Buti, (1992). *Hurriyat al-Insan fi Zill 'Ubudiyyatih Li Allah*, Damsyik: Dar al-Fikr, cet. Pertama.
- Wahbah al-Zuhayliy, (1989). *Al-Fiqh al-Islamiy wa adillatuh*, Juz. VI, Beirut: Dar al-Fikr.